

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 DECEMBER 2016

Hasil kerjasama mantap semua pihak menjayakan pembinaan - Najib

Projek MRT jimat kos RM2b

Um - 16/12/2016

Oleh **HUSSAINI AMRAN,**
SITI NORHAWA MOHD. ALI
dan **AMIRUL AIMAN ANUAR**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 15 DIS.

DATUK Seri Najib Tun Razak bangga dengan kejayaan projek Transit Aliran Massa (MRT) laluan Sungai Buloh-Kajang menjimatkan kos RM2 bilion daripada sasaran RM23 bilion yang diperuntukkan oleh kerajaan.

Perdana Menteri berkata, kejayaan itu adalah hasil kerjasama mantap antara Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.) dan pihak-pihak lain yang terlibat seperti Prasarana Malaysia Bhd. (Prasarana), kontraktor, sub-kontraktor serta pembekal.

Beliau juga gembira dengan komitmen MRT Corp. dalam memastikan fasa 1 MRT laluan Sungai Buloh-Kajang mula beroperasi pada penghujung tahun ini

"Pada awal pembinaan, kerajaan telah menetapkan kos sasaran pada RM23 bilion dan setelah kerja-kerja siap bagi keseluruhan laluan, kos pembinaan sebenar bagi projek ini adalah lebih kurang RM21 bilion.

"Ini bermakna kita berjaya menjimatkan kira-kira RM2 bilion. Syabas saya ucapkan," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Operasi Fasa 1 MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang di Stesen Kwasa Damansara, Sungai Buloh dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi MRT Corp., Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Tan Sri Syed Hamid Albar



NAJIB TUN RAZAK meletakkan tangan pada skrin sebagai gimik pelancaran Perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) bagi fasa pertama dari Sungai Buloh ke Semantan di Stesen Kwasa Damansara, Sungai Buloh, Selangor, semalam. Yang turut serta Dr. Ali Hamsa dan Shahril Mokhtar (kanan). - UTUSAN/ABDUL RAZAK LATIF

dan Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp., Datuk Seri Shahril Mokhtar.

Najib turut menyifatkan projek MRT begitu dekat dengan hatinya kerana ia mempunyai ciri-ciri yang menjadi teras pentadbirannya iaitu 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

"Saya tidak mahu slogan ini menjadi retorik politik tanpa ada pengisian... sebab itu, kerajaan ingin menjadikan pengangkutan awam

sebagai prioriti tertinggi," katanya.

Beliau memberitahu, projek berkenaan adalah inisiatif bagi menangani keluh-kesah rakyat tentang masalah kesesakan lalu lintas yang teruk di ibu negara.

Perdana Menteri menambah, beliau sendiri telah meletakkan perhatian yang sangat mendalam sepanjang lima tahun pelaksanaan projek tersebut.

"Saya telah membuat lawatan

kerja yang kerap untuk melihat sendiri secara dekat setiap kemajuan dan pencapaiannya," jelasnya.

Najib juga percaya, Rapid Rail Sdn. Bhd. (Rapid Rail) cukup bersedia untuk mengendalikan perkhidmatan MRT.

Katanya, keyakinan itu bersandarkan kepada pengalaman luas Rapid Rail mengendalikan perkhidmatan transit aliran ringan (LRT), monorel dan bas di seluruh negara.



Pada awal pembinaan, kerajaan telah menetapkan kos sasaran pada RM23 bilion."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri